

**Taib Dan PBB Amat Berjasa Kepada Sarawak - Dr Mahathir  
Bernama  
10 Feb, 2014**

PUTRAJAYA, 10 Feb (Bernama) -- Khidmat Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud amat baik sehingga membolehkan negeri itu kekal memiliki pemerintah yang disokong kuat oleh rakyat apabila parti pimpinannya berjaya memenangi banyak pilihan raya sebelum ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Namun menurut bekas perdana menteri, apabila usia semakin lanjut, seseorang pemimpin itu juga perlu sanggup berundur untuk memberi peluang kepada orang lain.

Beliau berkata di bawah teraju Taib, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang menjadi tunjang Barisan Nasional (BN) Sarawak dilihat memiliki perpaduan yang cukup mantap, kemas, kuat dan banyak menyumbang jasa kepada Sarawak menerusi projek pembangunan yang dibawahnya.

"Saya harap siapa jua yang ganti (Taib) nanti akan dapat sokongan yang sama dan tidak ada permusuhan antara bakal pengganti," katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan pengayuh basikal solo, Wan Hashim Wan Mahmood, 68, di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini Isnin.

Taib, 78, yang merupakan Presiden PBB dan pengerusi BN Sarawak, mengumumkan hasrat untuk berundur sebagai Ketua Menteri ketika mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) PBB dua hari lepas, namun semasa mesyuarat parti komponen BN negeri semalam, beliau tidak menyatakan tarikh untuk berbuat demikian.

Ditanya pandangannya jika pengunduran Taib akan memberi kesan kepada PBB, Dr Mahathir berkata sedikit sebanyak ia akan memberi kesan, namun menurutnya beliau yakin dengan perpaduan mantap yang dimiliki, parti itu akan terus cemerlang.

"Saya fikir PBB masih kuat. Kita seharusnya ambil kira soal parti juga, tidak kira siapa pemimpinnya. Parti ini (PBB) banyak berjasa kepada Sarawak, banyak pembangunan yang dilakukan oleh pemerintahan parti ini di bawah Abdul Taib Mahmud, saya yakin penggantinya juga akan dapat berbuat demikian nanti," katanya.

Sementara itu Wan Hashim, warga emas yang memulakan misi mencipta rekod berbasikal mengelilingi Semenanjung Malaysia pada 26 Jan lalu, ketika ditemui selepas pertemuan dengan Dr Mahathir, jelas gembira dapat bertemu dengan pemimpin idolanya itu.

Datuk kepada 18 cucu yang kelihatan cukup teruja itu berkata beliau memang berhasrat untuk menemui Dr Mahathir sejak memulakan kayuhannya, dan menurutnya dalam pertemuan itu Dr Mahathir tidak menghampakan beliau apabila memberikan kata-kata semangat kepadanya untuk terus gigih dalam menjayakan misinya.

Di KUCHING, bekas ketua penerangan PBB Datuk Peter Minos berkata Taib sudah tentu akan memilih penggantinya seorang yang berupaya meneruskan kesinambungan perpaduan dalam parti dan BN negeri.

Taib, katanya, juga ingin melihat penggantinya memimpin masyarakat majmuk di negeri ini untuk hidup dalam aman dan harmoni, melindungi kepentingan asas Sarawak dengan sedaya upaya serta mengekalkan autonomi Sarawak dalam Malaysia.

"Semestinyalah, beliau juga mahu seseorang yang dapat mengekalkan tugas baik yang dilaksanakan selama ini dalam bidang sosial dan ekonomi, jika bukan mempertingkatkannya.

"Kami akan terasa kehilangan Taib disebabkan kerja baik beliau terhadap negeri ini dan penduduknya.

"Apa jua kritikan dan kata-kata sinis terhadap beliau, Taib sememangnya melakukan yang terbaik dalam memastikan Sarawak sentiasa selamat, stabil, aman damai dan progresif," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1013235>